

SAINS TAHUN 5 : KEMAHIRAN SAINTIFIK

Kemahiran Proses Sains

- I Jadual I menunjukkan bilangan kenderaan di jalan raya dan bilangan kematian di jalan raya dari bulan Januari sehingga Jun 2015 di suatu tempat.

Bulan	Bilangan kenderaan	Bilangan kematian
Januari	2565	23
Februari	3240	30
Mac	3650	38
April	4250	45
May	4860	52
Jun	5940	68

Jadual I

- (a) Apakah pemerhatian berdasarkan jadual di atas?

[1 markah]

- (b) Berikan inferens bagi jawapan kamu di I(a). **K B A T**

[1 markah]

- (c) Berapakah perbezaan bilangan kematian pada bulan Jun dan bulan Januari?

[1 markah]


- (d) Ramalkan adakah bilangan kematian di jalan raya semakin meningkat atau berkurang selepas bulan Jun 2015.

[1 markah]

- (e) Jelaskan jawapan kamu di I(d). **K B A T**

[1 markah]

2 Rajah 2 menunjukkan satu penyiasatan dijalankan.



Rajah 2

(a) Ramalkan siput dalam bekas yang mana akan mati selepas lima jam.

[1 markah]

(b) Berikan inferens bagi jawapan kamu di 2(a). **KBAT**

[1 markah]

(c) Apakah pemboleh ubah dimanipulasi dalam penyiasatan ini?

[1 markah]

(d) Ramalkan apa yang akan berlaku kepada siput di dalam bekas Q jika tanah lembap ditukarkan kepada tanah kering. **KBAT**

[1 markah]

(e) Berikan inferens bagi jawapan kamu di 2(d). **KBAT**

[1 markah]